

# **KERANGKA PROGRAM TAHFIZ- TECHNICAL VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING (TVET): PERSPEKTIF UMPSA**

*(Framework of Tahfiz-Technical Vocational Education and Training (TVET) Program: Perspective of UMPSA)*

Rashidi Abbas<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Kuantan, Pahang. E-mel: rashidi@umpsa.edu.my.

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengkaji program Tahfiz-*Technical Vocational Education and Training* (TVET) dalam kerangka Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Responden kajian terdiri dari mahasiswa UMPSA mewakili fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Komputeraan dan Fakulti Pengurusan Industri seramai 30 orang yang sedang mengikuti program Tahfiz Ulul Albab-TVET. Metodologi kajian menggunakan metode analisis dokumentasi dengan pendekatan kualitatif. Hasil kajian pembinaan kerangka program tahfiz-TVET mengandungi beberapa elemen yang penting iaitu *input* (sumber), *output* (proses) dan *outcome* (impak) program. Elemen input merangkumi beberapa aspek teknikal seperti silibus pengajaran, kemudahan fasiliti dan lain-lain, sementara itu aspek output merangkumi aspek pengajaran dan pembelajaran serta jaminan kualiti. Akhir sekali ialah aspek impak yang merangkumi aspek kemenjadian pelajar yang meliputi elemen kognitif, afektif dan psikomotor. Sementara itu, kerangka pembelajaran Tahfiz-TVET berasaskan keapda 3M iaitu membaca, memahami dan menghafal.

**Kata kunci:** Tahfiz-TVET, kerangka pembinaan, pengajaran dan pembelajaran

## ***ABSTRACT***

*This study aims to examine the Tahfiz-Technical Vocational Education and Training (TVET) program within the framework of Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). The respondents consist of UMPSA students from the Faculty of Electrical and Electronic Engineering, the Faculty of Computing, and the Faculty of Industrial Management, totaling 30 individuals enrolled in the Tahfiz Ulul Albab-TVET program. The research methodology employs documentary analysis with a qualitative approach. The results of the study on the construction of the Tahfiz-TVET program framework encompass several essential elements, namely input (resources), output (process) and outcome (impact) of the program. The input elements include various technical aspects such as the curriculum, facility provisions and others. The output aspects encompass teaching and learning, as well as quality assurance. Lastly, the outcome aspect includes student development covering cognitive, affective and psychomotor elements. Meanwhile, the Tahfiz-TVET learning framework is based on the 3M approach: reading (membaca), understanding (memahami) and memorisation (menghafal).*

**Keywords:** *Tahfiz-TVET, framework construction, teaching and learning*

## **PENGENALAN**

Sistem pendidikan ialah mekanisme penting dalam membangunkan bangsa dan negara. Sementara, kurikulum pula menjadi pemangkin kepada matlamat yang hendak dicapai. Justeru, dua elemen ini haruslah bersinergi agar beroleh hasil yang optimum. Di Malaysia, pengajian tahfiz bukanlah sesuatu yang baru malahan pelengkap kepada Falsafah Pendidikan Islam khasnya dan Falsafah Pendidikan Negara amnya. Pengajian secara

formal telah mula dijalankan sejak tahun 1966 di bawah kelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Sedek Ariffin & Zulkifli Mohd Yusof, 2017).

Kini, pengajian tahfiz berkembang pesat dan telah mendapat sambutan yang tinggi daripada masyarakat (Zainora Daud, Nor Nadirah Hussin dan Phayilah Yama, 2018). Dianggarkan terdapat lebih 1,000 buah institusi tahfiz di seluruh tanah air dengan jumlah enrolmennya kira-kira 150,000 pelajar (Abdul Haris et al., 2020). Namun begitu, perubahan dari segi kurikulum adalah perlu bagi memastikan lulusan pengajian tahfiz mampu mengharungi cabaran revolusi industri 4.0 (Rashidi Abbas, 2018). Dalam memenuhi hasrat tersebut, wujud cadangan memperluaskan bidang Pendidikan dan Latihan Vokasional (*Technical Vocational Education and Training-TVET*) kepada pelajar tahfiz (Fathhiyah Mohd Fakhruddin et al., 2018).

*Malaysian Technology Network University* (MTUN) yang dianggotai oleh Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) adalah salah satu pendokong utama dalam agenda TVET Malaysia. Malah peranan MTUN juga adalah untuk pemerkasaan TVET di dalam program-program pengajian tinggi bagi mengalih pemahaman golongan muda bahawa fokus kepada kerjaya tidak lagi melihat kepada pekerjaan formal tetapi kepada bekerja sendiri dengan minda keusahawanan dan berkemahiran tinggi serta kapasiti membangunkan empayar perniagaan. Ini juga adalah bersesuaian dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang menyasarkan graduan TVET berkemahiran tinggi bagi menyumbang kepada produktiviti dan pertumbuhan ekonomi negara (UMPSA 2021-2025).

Sehubungan dengan itu, sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mendapat perhatian di dalam setiap belanjawan saban tahun. Peningkatan peruntukan bertambah dari jutaan ringgit ke bilion dengan membolehkan kerajaan menggerakkan langkah yang proaktif untuk

memperkasakan TVET negara. Langkah ini dilihat tepat dalam usaha Malaysia menambah enrolmen dalam TVET bagi melahirkan tenaga kerja mahir untuk memenuhi pasaran pekerjaan (Zakaria dan Rahim, 2006). Dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sektor Pendidikan TVET terus menjadi tumpuan dengan memperhebat agenda pemerkasaan melalui pelbagai inisiatif.

Namun begitu, UMPSA menyahut cabaran menggabunggalinkan bidang Tahfiz dan bidang TVET agar menjadi satu elemen yang bersepadu. Penawaran program tahfiz Ulul Albab ini tercetus bagi kesinambungan pembelajaran pelajar-pelajar yang pernah melalui program hafazan di sekolah terdahulu. UMPSA menjadi jambatan penghubung secara berterusan kepada pelajar yang ingin meneruskan program tahfiz ini. Sehubungan dengan itu, program tahfiz Ulul Albab telah diluluskan untuk pengoperasiannya pada tahun 2017 yang dirintis oleh 15 orang pelajar ambilan pertama. Oleh yang demikian, program Tahfiz-TVET UMPSA perlulah dibangunkan secara holistik untuk melihat keberhasilan dan kematangan program ini secara komprehensif dalam memenuhi aspirasi pihak kerajaan dan ibu bapa secara umumnya.

## LATAR BELAKANG MASALAH

Kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini menunjukkan bahawa tahap minat masyarakat terhadap pengajian tahfiz amat memberangsangkan. Permintaan yang tinggi dalam kalangan ibubapa telah mendorong kepada perkembangan dan penubuhan rancak institusi tahfiz kerajaan mahupun swasta (Solahuddin Ismail, 2018). Walau bagaimanapun, timbul persoalan mengenai nasib lulusan pelajar tahfiz dalam memenuhi kehendak pasaran pekerjaan semasa.

Justeru, terdapat cadangan supaya memperluas bidang Pendidikan dan Latihan Vokasional (TVET) kepada pelajar-pelajar tahfiz, kerana ia akan memberikan ruang yang luas kepada

pelajar-pelajar untuk memperoleh kemahiran yang pelbagai. Begitu juga hakikat yang berlaku kepada pelajar teknikal yang semata-mata mempelajari kemahiran teknikal tanpa diimbangi oleh kurikulum hafazan quran dalam kehidupan mereka. Justeru, program Tahfiz-TVET di UMPSA sebenarnya ingin mengisi vakum kelompangan antara kedua-dua disiplin ilmu tersebut. Perubahan paradigma pemikiran ibubapa berlaku dengan kefahaman yang mendalam kepada kepentingan ilmu dunia dan ukhuwi berjalan secara seiring untuk memperolehi kejayaan di dunia dan akhirat.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Perkembangan semasa institusi tahfiz di Malaysia boleh dibahagi kepada tiga dimensi utama. Pertama, institusi tahfiz yang masih mengekalkan elemen tradisional; mempelajari ilmu al-Quran dan fardu ain sahaja. Kedua, institusi tahfiz yang menggabungkan ilmu al-Quran, ilmu qiraat dan ilmu agama, dan ketiga institusi tahfiz yang menggabungkan ilmu al-Quran, ilmu qiraat dan ilmu sains (Noor Hisham et. all 2014).

Selain itu, terdapat program lain yang bersifat nilai tambah, ditawarkan kepada pelajar-pelajar tahfiz dalam usaha meningkatkan peluang mereka dalam pasaran pekerjaan. Justeru itu, bagi memenuhi ketiga-tiga aspirasi di atas, UMPSA berinisiatif mengintegrasikan ketiga-tiga aspirasi tersebut dalam program Tahfiz-TVET. Tahfiz-TVET memberi keutamaan kepada ilmu teknikal dan ilmu quran. Justeru itu, bagi mengatasi kelompangan penawaran kurikulum secara *stand alone* antara tahfiz-sains, maka program Tahfiz-TVET UMPSA boleh diguna pakai untuk membangunkan modal insan menyeluruh.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- Membangunkan kerangka program Tahfiz -TVET selari dengan pelan strategi Universiti Malaysia Pahang 2021-2025

- Merangka asas pembelajaran tafhiz-TVET Universiti Malaysia Pahang.
- Membangunkan kerangka pengukuhan program tafhiz-TVET Universiti Malaysia Pahang.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini akan bertitik tolak melalui persoalan kajian berikut:

- Bagaimakah kerangka program tafhiz-TVET selari dengan pelan strategi 2021-2025 UMPSA?
- Apakah asas pembelajaran tafhiz-TVET Universiti Malaysia Pahang
- Apakah kerangka pengukuhan program tafhiz-TVET Universiti Malaysia Pahang.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Diharapkan kajian ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada pihak-pihak yang berkepentingan sebagaimana berikut:


- Pengurusan Universiti Malaysia Pahang
- Sekolah-sekolah yang menawarkan program tafhiz
- Pelajar dan pusat Tafhiz seluruh negara
- Pusat Islam dan Pembangunan Insan

## **METODOLOGI**

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi. Pengumpulan data dokumentasi diambil daripada dokumen peribadi yang tercatat berkenaan penawaran tafhiz ulul albab UMPSA. Begitu juga dokumen rasmi yang mengandungi peraturan-peraturan, dasar universiti, polisis penawaran d jadikan sebagai rujukan utama dalam pembentukan metodologi ini.

## DAPATAN KAJIAN

### Persoalan Pertama




**Rajah 8.1:** Kerangka Konseptual Kerangka Program Tahfiz-TVET UMPSA

**Jadual 8.1:** Program Learing Outcomes (PLO)-Tahfiz-TVET-UMPSA


<b>Kognitif</b>	<b>Kemahiran Teknikal</b>	Menunjukkan pengetahuan, penyelesaian dan kemahiran yang sesuai untuk menyelesaikan masalah tugas rutin.
	<b>Kemahiran Quran</b>	Menunjukkan pengetahuan dalam aspek qiraah, tajwid sehingga dapat menghafal dengan baik.
<b>Afektif</b>	<b>Kemahiran Teknikal</b>	Menunjukkan keupayaan bekerja secara beretika di bawah penyeliaan dan berkomunikasi secara berkesan dalam situasi yang ditakrif dengan jelas.
	<b>Kemahiran Quran</b>	Berkeupayaan membentuk keperibadian yang baik dalam pergaulan dan beradab dengan al-Quran.
<b>Psikomotor</b>	<b>Kemahiran Teknikal</b>	Menunjukkan kemahiran mengendalikan alatan dan teknik yang sesuai untuk menyelesaikan masalah tugas rutin.
	<b>Kemahiran Quran</b>	Berkemahiran dalam teknik hafazan yang baharu, pengekalan hafazan yang lama.

### **Persoalan Kedua**



**Rajah 8.2:** Kerangka Pembelajaran Program Tahfiz-TVET UMPSA

### Persoalan Ketiga



**Rajah 8. 3:** Kerangka Pengukuhuan Program Tahfiz-TVET

## PENUTUP

Kerangka pengajaran ini berdasarkan kepada hasrat dalam konsep Falsafah Pendidikan Islam, Falsafah Pendidikan Negara dan hasrat kerajaan dalam melahirkan huffaz yang mampu memenuhi kehendak pasaran pekerjaan. Sekiranya negara ingin melahirkan generasi ulul albab yang bukan sahaja memahami dan berjiwa agama tetapi mampu mengharungi cabaran revolusi industri 4.0 maka perlulah dibangunkan satu kerangka kurikulum Tahfiz-TVET yang bersepadu dan standard khususnya di peringkat Institusi Pengajian Tinggi.

## RUJUKAN

- Abdul Hanis Embong et al. (2020). *Hafazan Al-Quran Komprehensif STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik)*. Penerbit UMT: Universiti Malaysia Terengganu.
- Abdurrahman Lubis (2019). *Hafiz Profesional Hafal Al-Quran 30 Juzuk*. Sri Saujana Marketing: Batu Cave, Selangor.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin et al. (2018). *Perkembangan & Perspektif Pembelajaran Tahfiz di Malaysia*. Penerbit Universiti Putra Malaysia: Serdang Selangor.
- Kamarul Azmi Jasmi & Azmil Hashim (2016). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kerangka dan Standard Program PHS UMPSA (2020): Penerbit Universiti Pahang.
- Mohd Rusli Ismail (2020). *40 Panduan Menghafaz dan Mengekalkan Hafazan*. Dian Darulnaim Sdn.Bhd: Kota Bahru Kelantan.
- Pelan Strategik UMPSA 25, 2021-2025: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Suleiman Hani (2018). *114 Tips To Help You Finally Memorize The Quran*. United States of America.
- Rashidi Abbas (2018). *Pendidikan Tahfiz dan Kemahiran Insaniah*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang: Pahang.
- Rashidi Abbas (2021). *Kemahiran Hafazan Al-Quran: Pendekatan Huffaz-M*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang: Pahang.
- Sedek Ariffin & Zulkifli Mohd Yusoff (2017). *Metodologi Hafazan Al-Quran*. Penerbit Universiti Malaya: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sedek Ariffin et al. (2017). *Modul-Modul Hafazan Al-Quran*. Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Umm Muneer Sadiqa Matthews (2020). *Tajweed For All*. Dakwah Corner Bookstore (M) Sdn. Bhd: Selangor Darul Ehsan.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Ph.D (2013). *Hebatnya Kuasa Hafazan*. PTS Islamika Sdn. Bhd: Batu Cave Selangor.

